

WARTA KERAJAAN

PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 53

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996
PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN) (PINDAAN) 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. NAMA DAN PERMULAAN KUAT KUASA

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengendalian Kursus Pengajian) (Pindaan) 2001.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2001.

2. PINDAAN PERATURAN 5

Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengendalian Kursus Pengajian) 1997 [P.U. (A) 546/97], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan subperaturan 5(2) dengan subperaturan yang berikut:

"(2) Suatu kelulusan yang diberikan untuk mengendalikan kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan di peringkat sijil, diploma atau ijazah hendaklah sah bag itempoh tidak melebihi lima tahun".

3. PERATURAN BARU 8A

Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 8 peraturan yang berikut:

"Kuasa untuk mengurangkan atau menyetepikan fi

8A. Menteri boleh, jika difikirkannya wajar, mengurangkan atau menyetepikan sebahagian atau sepenuhnya apa-apa fi yang kena dibayar oleh mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta di bawah Peraturan-Peraturan ini".

4. PINDAAN JADUAL KEDUA

Jadual kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipindah dengan menggantikan butiran 1 dan 2 dengan butiran yang berikut:

1. Permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian dan kursus pengajian tambahan

(a)peringkat sijil	RM1,500.00
(b)peringkat diploma	RM2,000.00
(c)peringkat ijazah	RM3,400.00

2. Permohonan bagi kelulusan dan membaharui kelulusan

(a) peringkat sijil	RM5,000.00
---------------------	------------

(b)	peringkat diploma	RM5,000.00
(c)	peringkat ijazah (kecuali perubatan, farmasi, pergigigan)	RM7,500.00
(d)	peringkat ijazah (perubatan, farmasi, pergigigan)	RM15,000.00